

08/10/2003

MDC sedia sahut cabaran fasa kedua pelaksanaan MSC

MULTIMEDIA Development Corp Sdn Bhd (MDC) bersedia menyahut cabaran fasa kedua Koridor Raya Multimedia (MSC) membabitkan pelaksanaan inisiatif berkenaan ke seluruh negara terhadap penyelidikan dan pembangunan (P&P) dan tumpuan terhadap syarikat yang benar-benar berkualiti yang akan mendapat status MSC.

Antara bidang P&P yang diberi keutamaan ialah teknologi tanpa wayar dan bioinformatik di samping menarik syarikat terkenal dalam bidang perkhidmatan data untuk menjadikan MSC sebagai pusat data mereka.

Beberapa inisiatif baru membabitkan aplikasi perdana (NFI) akan diwujudkan. Matlamat utama NFI ialah memastikan program itu memberikan kesan maksimum dan sentiasa bersesuaian dengan strategi MSC serta mengoptimumkan projek dijalankan.

Inisiatif NFI dijangka akan menggalakkan pertumbuhan projek baru yang memberikan tumpuan kepada sektor swasta seperti aplikasi perdana e-dagang dan inisiatif perkhidmatan perkongsian. Antara industri utama yang disasarkan ialah runcit, pengeluaran (produk pengguna, automotif dan elektronik), kewangan dan logistik.

Kejayaan pelaksanaan fasa pertama diukur berdasarkan perubahan masyarakat daripada masyarakat berasaskan pengilangan (p-ekonomi) kepada ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi), ICT adalah alat penting untuk menjana pengetahuan dan penubuhan prasarana maklumat awam bagi kemudahan orang ramai seperti aplikasi perdana kerajaan elektronik dan pelaksanaan MyKad.

Ketua Eksekutif Multimedia Development Corp Sdn Bhd (MDC), Datuk Dr Mohamed Arif Nun, berkata MDC kini sebagai organisasi sudah bersedia untuk melaksanakan fasa kedua projek MSC kerana yakin ia kini berada pada landasan yang betul.

"MDC kini sudah melaksanakan beberapa perubahan pada peringkat organisasi dengan memperkenalkan beberapa perkara seperti laporan penilaian prestasi kakitangan (balance scorecard), urus tadbir korporat dan

"Amalan lama yang tidak sesuai dengan perubahan dan matlamat organisasi akan ditinggalkan atau dibuang. MDC akan sentiasa menilai dirinya untuk memastikan matlamat yang ditetapkan kerajaan tercapai," katanya dalam satu pertemuan dengan media di Putrajaya, baru-baru ini.

MDC yang ditubuhkan pada 1996 dengan mandat yang diberikan kerajaan bagi mengurus dan memajukan sehingga 2020 selaras dengan cita-cita Malaysia untuk muncul sebagai negara maju pada waktu itu.

Dalam pembentangan Belanjawan 2004 baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengumumkan perubahan MDC kepada agensi yang mempunyai kuasa untuk meluluskan pelaburan dalam bidang ICT.

Sambil menyifatkan ia pengumuman itu sebagai keyakinan kerajaan terhadap keupayaan MDC, Arif berkata, MDC akan sentiasa bekerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Perniagaan Luar Malaysia (Matrade) dan Mida untuk menarik pelaburan dalam bidang ICT.

"Sasaran utama MDC ialah mengenal pasti industri tertentu serta syarikat peneraju dalam bidang berkenaan untuk dipelawa melabur di MSC. Bidang perkhidmatan perkongsian (shared services) misalnya, MSC menawarkan kemudahan kepada syarikat yang hendak membuka pusat data mereka," katanya.

Beliau yang baru dilantik sebagai Ketua Eksekutif MDC untuk tempoh dua tahun berkata, antara cabaran yang besar ialah mencari pendekatan untuk

meningkatkan peratusan atau bilangan syarikat Bumiputera yang menyertai industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kerana ketika ini hanya 20 peratus syarikat babit yang terbabit dalam industri berkenaan.

"Sasaran MDC ialah mencatatkan peningkatan sebanyak sepuluh peratus iaitu daripada 20 peratus kepada 30 peratus bilangan PKS Bumiputera yang ada ketika ini. Kaum Bumiputera khususnya orang Melayu juga memiliki minda kreatif yang tinggi dan mereka perlu diberi galakan untuk menceburi bidang ICT bersesuaian dengan bakat dimiliki," katanya.